

MAKLUMAT ASAS KAWASAN CADANGAN HCVF DI HUTAN SIMPAN PAYA PASIR

HS Paya Pasir hanya terlibat satu kompartmen sahaja iaitu Kompt .1 dengan keluasan 158.5 hektar. Kawasan ini juga telah diwartakan sebagai kawasan VJR melalui pelan warta oleh JUPEM dengan No. Pelan Warta PW 3544.No. VJR adalah dikodkan sebagai VJR No. 8.

Kawasan ini juga telah diwartakan sebagai kawasan Hutan Simpanan Kekal pada tarikh warta 17.6.1987 dengan keluasan 164.80 hektar. No. warta hutan simpanan kekal adalah No. 121 dengan No. Pelan Warta 1558.

Kawasan ini juga mempunyai PetakTongkat Ali yang tumbuh semulajadi dan mempunyai Petak Arboretum dari spesies asal kawasan tersebut.

Selain itu juga, kawasan ini terdiri daripada spesies Meranti, Keruing, Kempas dan lain-lain spesies.

Keunikan kawasan ini adalah pada puncak ketinggiannya boleh melihat pemandangan Sungai Pahang dan terdiri daripada spesies burung, serangga dan mamalia kecil.

Kawasan ini Timur, Barat dan Selatan dikelilingi oleh Tanah Milik manakala di sebelah Utara adalah Tanah Kerajaan dan Tanah Milik.